

Ibu perlu dirai, dimuliakan

Diingati sepanjang masa bukan pada hari-hari tertentu sahaja

Oleh ROSMAH DAIN

rosmah.dain@utusan.com.my

TIADA salahnya menyambut Hari Ibu untuk meraikan ibu yang tersayang, insan yang telah banyak berjasa kepada kita, menjadi pendorong, pembimbing dan yang sentiasa mendokan kita. Bukankah ini perkara yang baik, untuk meraikan insan yang tersayang. Apa yang salahnya, ialah apabila kita hanya mengingati ibu pada hari berkenaan sahaja dan hari-hari yang lain melupakannya."

Itu pendapat Timbalan Pengarah Eksekutif, Pusat Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Madya Dr. Fariza Md. Sham**, berhubung sambutan Hari Ibu yang diraikan dengan pelbagai acara pada hujung minggu lalu (Ahad 8 Mei).

Beliau memberitahu, apabila kita perlu mengingati ibu bapa, bermakna anak-anak perlu mengingati mereka setiap hari, setiap saat, terutama dalam doa harian mereka.

Bagi yang telah kehilangan individu ini buat selamanya, apa yang penting jangan sesekali melupakan untuk membaca doa, menghadiahkan bacaan al-Quran buat

mereka kerana apabila meninggal dunia seseorang itu terputus segalanya di muka bumi ini kecuali, amalannya, doa anak-anak yang soleh dan ilmu yang dimanfaatkan oleh orang lain.

"Baiknya kita mengadakan sambutan Hari Ibu ini ialah apabila ada sesetengah daripada anak-anak yang terlupa akan ibu, mendoakan insan itu atau jarang-jarang menelefon ibu mereka. Hari Ibu seumpama 'alat penggera' kepada mereka untuk mengingati semula insan yang selama ini dilupakan, seumpama satu motivasi bagi kita untuk melakukan yang terbaik bagi ibu.



**DR. FARIZA
MD. SHAM**

"Tapi dengan satu syarat, kita tidak menyambutnya dengan perlakuan salah, berfoya-foya atau apa sahaja perbuatan yang melanggar syariat Islam.

"Sepatutnya sambutan berkenaan diadakan dengan bacaan doa, membaca al-Quran bersama, berjemaah dan tidak membazir dalam sebarang perbuatan," jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Fariza menambah, sepatutnya dengan adanya gajet dan teknologi yang moden memudahkan lagi berhubung dengan ibu dan bapa, menelefon untuk bertanya khabar.

Ini sebenarnya untuk mendapatkan keberkatan dalam setiap pekerjaan dan kehidupan yang kita lakukan kerana doa ibu

ialah suatu yang mustajab.

"Bercakap sekejap pun tidak mengapa, asalkan selalu bertelefon bertanyakan khabar. Ini ada kes yang mana ada sesetengah daripada anak-anak hanya menghantar duit setiap bulan, tetapi tidak balik menjenguk.

"Perbuatan menghantar wang bulanan juga adalah perkara yang amat baik, namun kehadiran anak-anak balik menjenguk mereka ialah perkara yang paling baik.

"Ibu bapa ini sebenarnya lebih suka sekiranya kita meluangkan waktu untuk bersama mereka, setidak-tidaknya sebulan, sekali luangkan masa menjenguk ibu bapa untuk bertanya khabar mereka. Mereka perlukan kasih sayang dan perhatian kita, bahagikan masa untuk mereka walau sesibuk manapun kita," kata Dr. Fariza.

Namun menurut beliau, pada hari ini cabaran menjadi ibu sangat besar apabila anak-anak hari ini terlalu terbuka dan terdedah dengan media sosial tanpa batasan sehingga hampir melupakan nilai-nilai akhlak dan adab kepada orang tua, keluarga dan masyarakat.

Sedangkan generasi terdahulu diajar

dengan ilmu kesantunan yang sangat tinggi, mengikut adab Melayu Islam penuh dengan norma nilai-nilai ketimuran.

"Anak-anak hari ini tidak menganggap lagi ilmu kesantunan dan adab terhadap ibu dan bapa itu satu perkara utama. Apatah lagi sekiranya anak-anak dididik dengan perihal ibu bapa yang turut terlalu terbuka dengan sikap anak-anak mengikut psikologi acuan Barat yang dijadikan ilmu kemahiran keibubapaan yang tinggi menyebabkan mereka terikut-ikut dengan budaya tidak menghormati orang tua.

"Sekiranya nilai-nilai norma jati diri sebagai Melayu bersandarkan ajaran Islam ini tidak dititikberatkan dalam penerapan adab sosial di dalam keluarga itu sendiri, lama kelamaan nilai-nilai murni dalam diri akan terhapus.

"Namun, apabila ada ibu bapa yang cuba menerapkan perkara yang dipelajari daripada generasi terdahulu yang penuh dengan adab sopan ketimuran dengan norma nilai diri yang tinggi, mereka pula akan dikatakan sudah ketinggalan zaman," kata beliau.

